

03/07/2003

Jawatan Naib Presiden MCA tidak akan dipertandingkan

Teh Kean Kiat

KUALA LUMPUR: Kekosongan jawatan dua Naib Presiden MCA tidak akan dibincang dan dipertandingkan pada perhimpunan agung parti pada 10 Ogos ini.

Setiausaha Agungnya, Tan Sri Dr Ting Chew Peh berkata, mesyuarat Jawatankuasa Pusat (CC) pada 13 Jun lalu memutuskan tidak mengisinya sehingga 'masa sesuai' dan tidak disenaraikan sebagai agenda perhimpunan agung tahun ini.

"Perhimpunan agung tahun ini akan menumpukan perhatian terhadap pindaan perlembagaan bagi mengehendakan tempoh jawatan Presiden, Ketua Pemuda dan Wanita tidak melebihi tiga penggal," katanya pada sidang akhbar semalam.

Kekosongan jawatan dua Naib Presiden wujud selepas Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy masing-masing dilantik sebagai Presiden dan

Timbalan Presiden.

Dr Ting berkata, Perhimpunan Agung MCA akan dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, manakala Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita masing-masing dirasmikan timbalan presiden dan setiausaha agung parti pada 9 Ogos.

Katanya, dijangka kira-kira 2,800 perwakilan akan menghadiri perhimpunan agung itu.

Mengenai Konvensyen MCA di setiap negeri, beliau berkata, semua konvensyen akan dirasmikan Ong.

Dalam perkembangan lain, Dr Ting berkata, MCA akan mengadakan majlis penghargaan dan makan malam perpisahan bagi mengenang jasa bekas presidennya, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik pada 26 Julai ini.

Beliau berkata, majlis diadakan di Dewan San Choon, ibu pejabat MCA jam 2 petang diikuti makan malam pada jam 7 malam di Dewan Konvensyen Mines, Seri Kembangan.

Kedua-dua majlis dijangka hanya dihadiri 3,000 ahli dan veteran MCA memandangkan ia kegiatan dalaman parti.

Sementara itu, Ketua Pemuda MCA, Datuk Ong Tee Keat berkata, penubuhan jawatankuasa khas lima anggota Pemuda MCA tidak akan mewujudkan sebarang pertindihan peranan dengan jawatankuasa tujuh anggota yang ditubuhkan badan induk sebelum ini, sebaliknya saling melengkapi satu sama lain.

Beliau berkata, kedua-dua jawatankuasa itu ditubuhkan untuk menyelesaikan masalah dalaman Pemuda MCA dan paling penting ialah menyatupadukan pergerakan itu.

"Apabila soal integrasi dalaman, ia bukan sekadar mengisi kekosongan peringkat negeri atau bahagian tetapi masalah peringkat cawangan juga perlu ditangani.

"Fungsi kedua-dua jawatankuasa itu adalah untuk melengkapi tugas khasnya mengukuhkan Pemuda MCA," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Exco pergerakan itu.

Pada 30 Jun lalu, Ong berkata, Jawatankuasa khas lima anggota Pemuda MCA ditubuhkan untuk menyelesaikan kemelut dalaman pergerakan itu, termasuk beberapa jawatan kosong yang belum diisi di peringkat negeri.

Lima anggota jawatankuasa itu ialah Ong, timbalannya, Hoo Seong Chang, dua Setiausaha Agung pergerakan itu, Liow Tiong Lai dan Loh Seng Kok serta Setiausaha Pengelola Pemuda, Tan Yoke Ching.

Jawatankuasa tiga anggota yang dianggotai ahli CC, Datuk Hon Choon Kim, Datuk Fu Ah Kiow dan Datuk Poh Ah Tiam ditubuhkan selepas pelantikan Ka Ting dan Chan menerajui MCA lebih sebulan lalu untuk menyelesaikan masalah dalaman Pemuda khususnya senarai tunggal ketua serta ahli jawatankuasa Pemuda negeri.

Ong yang juga Timbalan Menteri Belia dan Sukan berkata, beliau diberitahu oleh Chan bahawa jawatankuasa tiga anggota itu akan diperluaskan kepada tujuh anggota dengan penambahan empat pemimpin Pemuda MCA iaitu Ong, Hoo, Liow dan Loh.

Beliau berkata, fungsi jawatankuasa lima anggota Pemuda MCA itu akan dijelaskan kelak apabila mereka mengadakan mesyuarat pertama dalam masa terdekat.

Katanya, tiada had masa diberikan untuk menyelesaikan masalah dalaman Pemuda MCA memandangkan ia perkara yang berterusan dan memerlukan persefahaman bersama.